

Nestlé lupuskan lebih 200 Juta Straw Plastik setahun
*Menjelang akhir tahun, Syarikat akan bertukar 100% kepada Straw
Kertas bagi rangkaian UHT*

PETALING JAYA, 23 Julai 2020 – Nestlé Malaysia mengumumkan kesediaannya untuk menggunakan 100% straw kertas bagi seluruh rangkaian UHT menjelang akhir 2020, menjadikannya syarikat minuman dan makanan berskala besar pertama di rantau ASEAN untuk berbuat demikian. Inisiatif ini akan menghentikan penggunaan 200 juta straw plastik setahun, sekali gus menandakan satu lagi mercu jaya dalam Peperangan Syarikat menentang Sisa Plastik.

Ini adalah sejajar dengan ikrar global Syarikat untuk menjadikan pembungkusannya 100% boleh dikitar semula atau diguna semula menjelang 2025.

Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad berkata, “Sisa plastik ialah satu ancaman global dan kami benar-benar bertekad mahu mengurangkan jejak plastik. Pada tahun lepas, kami bermula dengan memperkenalkan straw kertas untuk pek minuman MILO UHT 125ml dan untuk MILO Nutri Pluz yang baru dilancarkan. Kini kami gembira untuk menunaikan komitmen untuk melanjutkan langkah ini bagi meliputi seluruh produk UHT Sedia Diminum, dengan peralihan dijangka selesai menjelang akhir 2020. Segala usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen kami untuk merangka penyelesaian pembungkusan mesra alam dan menjayakan pelaksanaannya dengan pantas. Setakat ini, 90% daripada pembungkusan keseluruhan Nestlé Malaysia sudah pun direka untuk dikitar semula”.

“Straw kertas baharu ini memenuhi keperluan kualiti yang sangat ketat. Kami memastikan straw kertas yang digunakan dibeli daripada sumber bertanggungjawab dan benar-benar selamat untuk diminum. Ramai orang sudah biasa dengan straw plastik dan pertukaran kepada straw kertas akan memberikan pengalaman pengguna yang sedikit berbeza. Kami

menggalakkan seluruh rakyat Malaysia untuk menyokong perubahan ini dan berganding bahu dengan kami dalam perjalanan ke arah masa depan yang lebih lestari,” kata April Wong, Pegawai Eksekutif Perniagaan, Unit Perniagaan Sedia Diminum, Nestlé (Malaysia) Berhad.

Penggunaan straw kertas akan dilaksanakan secara berperingkat di seluruh rangkaian UHT Nestlé Malaysia pada 2020. Ini termasuk produk-produk yang disenaraikan di bawah:

- MILO UHT 200ml
- MILO Nutri Pluz UHT 200ml
- MILO UHT 125ml
- Nestlé Just Milk Penuh Krim 200ml
- Nestlé Just Milk Berperisa Strawberi UHT 200ml
- Nestlé Omega Plus UHT 200ml
- Nestlé Omega Plus Perisa Coklat Gelap UHT 200ml

Sejajar dengan perubahan penting ini, Nestlé Malaysia juga komited sepenuhnya dan bersedia membantu negara menggiatkan aktiviti kitar semula, menerusi kempen pendidikan yang meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna kami. Sebagai contoh, Projek CAREton oleh MILO UHT berusaha mengumpulkan 45 juta pek minuman terpakai pada 2020, termasuk pek minuman MILO UHT kami sendiri. Dengan kerjasama Tetra Pak, pek minuman yang dikutip akan dikitar semula untuk dijadikan genting atap yang disumbangkan kepada masyarakat Orang Asli. Sejak dilancarkan pada 2013 sehingga akhir 2019, Projek CAREton telah berjaya mengumpul lebih 95 juta pek minuman, membolehkan penjaan jubin yang cukup untuk membina 280 buah rumah.

Nestlé Malaysia juga telah menubuhkan pasukan petugas “Green Gladiators” yang dianggotai lebih 150 kakitangan, dengan misi untuk menggiatkan inisiatif kelestarian, seperti usaha mengurangkan sisa plastik dan menyokong ekonomi kitaran serta mengurangkan jejak karbon. Ini termasuklah usaha kami untuk menanam semula pokok hutan di Malaysia Timur, di bawah Projek RiLeaf.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk

ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>

Untuk maklumat lanjut:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6650
+6012-353 1337

E-mel: Maxine.Lim@my.nestle.com

Alya Nurina atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348
+6010-221 8216 (Alya) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my
